

SKOPOS DAN STRATEGI TERJEMAHAN SEMULA KAMPUNG BOY DALAM BAHASA JEPUN

(*Skopos and Strategies for the Retranslation of Kampung Boy into Japanese*)

Natsue Hieda

hieda.natsue(gp@u.tsukuba.ac.jp)

Institute of Humanities and Social Sciences, University of Tsukuba,
Ibaraki, 305-8577, Japan.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Hieda, N. (2024).

Skopos dan strategi terhadap terjemahan semula *Kampung Boy* dalam bahasa Jepun. *Jurnal Bahasa*, 24(2), 243–266. [https://doi.org/10.37052/jb24\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/jb24(2)no3)

Peroleh: <i>Received:</i>	9/5/2024	Semakan: <i>Revised</i>	27/8/2024	Terima: <i>Accepted:</i>	27/9/2024	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	27/11/2024
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	------------

Makalah ini telah melalui penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Abstrak

Pengkaji membincangkan implikasi terjemahan semula novel grafik *Kampung Boy* dalam bahasa Jepun. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri teks terjemahan *Kampung Boy* dalam bahasa Jepun dan menentukan kedudukannya dalam industri terjemahan di Jepun. Dalam kajian ini, pengkaji membandingkan teks terjemahan antara edisi pertama dengan edisi terbaharu teks tersebut. Teks asal turut dirujuk apabila sesuatu bahagian menimbulkan gambaran yang berbeza antara kedua-dua edisi tersebut. Menerusi kajian ini, didapati bahawa perbezaan teks terjemahan dipengaruhi oleh perbezaan bahasa sumber dan perbezaan Skopos. Edisi pertama yang diterjemahkan daripada teks berbahasa Inggeris cenderung kepada penghuraian yang lebih eksplisit disebabkan oleh budaya konteks yang rendah. Edisi terbaharu yang diterjemahkan daripada teks berbahasa Melayu pula menunjukkan ekspresi yang lebih implisit disebabkan oleh budaya konteks yang tinggi. Dari segi perbezaan Skopos, edisi pertama menitikberatkan unsur nostalgia, manakala edisi terbaharu menambah nilai akademia. Oleh itu, edisi pertama menggunakan bahasa yang mudah dengan strategi berunsur tempatan, sedangkan edisi terbaharu menggunakan bahasa yang sederhana dengan lebih memfokuskan

unsur asing. Dalam erti kata lain, edisi pertama mementingkan kelancaran bahasa dengan menggugurkan, meringkaskan atau menggantikan unsur budaya tradisional Melayu. Sebaliknya, edisi terbaru mengekalkan konteks asal dengan mengisi kekosongan leksikon dan menambah keterangannya.

Kata kunci: Strategi terjemahan, terjemahan semula, *Kampung Boy*, edisi bahasa Jepun, bahasa sumber, Skopos

Abstract

This paper discusses the implications of the retranslation of the graphic novel ‘Kampung Boy’ into Japanese. The objective of this study is to identify the characteristics of the translated texts and to determine their position in Japan’s translation industry. For this study, the researcher made a comparison between the first and the latest editions. The source text was also referenced when parts of the translated texts differ from one another. The findings revealed that the differences between the translated texts stem from the variations in the source language and Skopos. The first edition, translated from English, tends to be more explicit due to the influence of a low-context culture. Conversely, the latest edition, translated from Malay, adopts a more implicit approach, which is reflective of a high-context culture. Regarding Skopos differences, the first edition emphasises on nostalgia, whilst the latest edition adds academic value. Therefore, the first edition uses simple language and takes a domestication strategy, while the latest edition uses moderate language with greater focus on foreignization. In other words, the first edition prioritises smooth language flow by omitting, simplifying, or replacing elements of traditional Malay culture. On the other hand, the latest edition retains the original context by filling lexical gaps and including explanations.

Keywords: Translation strategy, retranslation, *Kampung Boy*, Japanese language edition, source language, Skopos

PENDAHULUAN

Kampung Boy ialah novel grafik Datuk Mohd Nor Khalid atau Lat yang merupakan kartunis terkemuka Malaysia. Penulis buku ini menceritakan pengalaman peribadinya ketika zaman kanak-kanaknya pada era 1950-an. Karya tersebut diterjemahkan dalam bahasa Jepun pada tahun 1984, manakala edisi terjemahan baharu diterbitkan pada

tahun 2014. Maklumat asas berkenaan teks ini dalam kedua-dua edisi berbahasa Jepun dirumuskan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Maklumat asas tentang edisi bahasa Jepun *Kampung Boy*.

Maklumat Asas	Edisi Pertama	Edisi Terbaru
Judul	カンポンのガキ大将 (<i>kanpon no gakidaishoo</i>)	カンポンボーイ (<i>kanpon-booi</i>)
Tahun	1984	2014
Penerbit	Shobunsha	ITBM & TUFS Press
Penterjemah	Ogishima, S., & Sueyoshi, M.	Soda, N., & Hieda, N.
Teks asal	<i>Kampung Boy</i>	<i>Budak Kampung</i>
Bahasa sumber	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
Saiz buku	19×25 cm	15×22 cm

Edisi pertama dalam bahasa Jepun diterbitkan oleh sebuah syarikat swasta, iaitu Shobunsha, pada tahun 1984 dengan kerjasama dua orang penterjemah. Edisi ini mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat Jepun, khususnya dalam bidang sastera kanak-kanak sehingga terbit cetakan kedua.

Seterusnya, terbitan terjemahan semula direalisasikan pada tahun 2014 oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dengan kerjasama Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) Press. Teks asal diterjemahkan oleh seorang pensyarah bahasa Jepun di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kemudian disunting oleh seorang pensyarah dari Tokyo University of Foreign Studies (TUFS).

Perbezaan bahasa sumber amat penting bagi kajian ini. Edisi pertama diterjemahkan daripada teks asal dalam bahasa Inggeris, iaitu *Kampung Boy*, yang diterbitkan oleh Berita Publishing pada tahun 1979. Penerbitan *Kampung Boy* pertama adalah dalam bahasa Inggeris untuk memperkenalkan budaya tradisional Melayu kepada orang ramai, termasuklah warganegara asing. Kemudian, edisi bahasa Melayu, iaitu *Budak Kampung*, diterbitkan oleh Berita Publishing pada tahun yang sama bagi tujuan perkongsian dalam konteks tempatan, terutamanya untuk generasi muda yang dilahirkan di kawasan bandar. Terjemahan

edisi terbaru menggunakan edisi bahasa Melayu sebagai teks asal ini dilakukan berdasarkan hasrat penerbit (Soda, 2014). Namun begitu, sebab pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa sumber tidak dinyatakan secara jelas.

Perbezaan bahasa sumber ini dapat dikaitkan dengan gugusan budaya konteks tinggi atau rendah yang dikemukakan oleh Hall (1976). Menurut beliau, budaya konteks tinggi ditandai oleh komunikasi konteks tinggi yang bersifat implisit. Makna sebenar tersembunyi dalam perilaku bukan verbal oleh pembicara, seperti nada suara, gerakan tangan, postur badan, ekspresi wajah dan tatapan mata. Konteks budaya rendah pula merujuk budaya yang disampaikan secara verbal. Komuniti berbudaya konteks rendah merujuk maklumat yang disampaikan secara eksplisit.

Bahasa Inggeris dikategorikan sebagai budaya konteks yang lebih rendah daripada bahasa Melayu dan bahasa Jepun (Hall, 1976; Lailawati Mohd Salleh, 2005). Dengan erti kata lain, komunikasi dalam bahasa Inggeris memerlukan mesej dinyatakan secara lebih eksplisit, sebaliknya penutur bahasa Melayu dan penutur bahasa Jepun sudah biasa memahami mesej yang disampaikan secara tidak verbal.

Cara komunikasi berasaskan budaya konteks tinggi dapat dilihat dalam masyarakat Melayu dan masyarakat Jepun. Misalnya, orang Melayu cenderung untuk meminta sesuatu secara tidak langsung kerana permintaan secara terus terang dianggap sebagai kurang sopan. Orang Melayu turut tidak memberikan komen yang negatif secara langsung ketika mesyuarat untuk menjaga hati pendengar (Lailawati Mohd Salleh, 2005). Orang Jepun juga cenderung untuk mengelak daripada menyatakan pendapatnya secara langsung demi menjaga keharmonian situasi. Oleh itu, orang Jepun turut berkomunikasi dengan harapan agar isyarat bukan lisan, seperti nada suara dan ekspresi muka, dapat difahami oleh lawan tutur (Nishihara, 2015).

Sueyoshi (1984), seorang daripada penterjemah edisi pertama mencatatkan latar belakang terbitan buku terjemahannya. Menerusi catatan tersebut, penterjemah itu membeli buku Lat di sebuah kedai buku ketika melawat Malaysia kerana terpesona dengan ilustrasinya yang menarik. Setelah kembali ke Jepun, penterjemah itu menunjukkannya kepada rakannya. Pada masa itu, beliau menyedari bahawa karya *Kampung Boy* dapat menarik minat kanak-kanak walaupun tidak berupaya dibaca tulisannya. Pengalaman ini mendorong beliau untuk mencari penerbit karya itu untuk menerbitkannya dalam bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, Nakatani (1997) menjelaskan bahawa buku terjemahan ini tersenarai dalam kalangan buku kanak-kanak dan kurang dibaca oleh orang dewasa.

Edisi terbaru terjemahan tercetus daripada rancangan penerbit, iaitu kerjasama antara ITBM dengan TUFS Press. Pengarah urusan ITBM, Mohd Khair Ngadiron menyatakan bahawa kerjasama dalam penerbitan *Kampung Boy* merupakan antara hasil strategik penyertaan Malaysia di Pesta Buku Antarabangsa Tokyo 2014 dalam tempoh tiga tahun (Komik *Kampung Boy*, 2014). Beliau menekankan bahawa hal ini merupakan perkongsian intelektual antara dua buah negara yang bakal menguntungkan kedua-dua pihak, khususnya bagi menyokong perkembangan bahasa Jepun dan tamadun Asia Tenggara. Ketua editor TUFS Press, iaitu Prof. Minoru Iwasaki pula menerangkan sebab pemilihan *Kampung Boy* dalam kerjasama ini. Menurutnya, idea dan jalan ceritanya dapat mengimbaskan kenangan pada masa lampau. Tambahan pula, karya tersebut bukan sahaja digunakan bagi tujuan pembelajaran, tetapi juga sebagai dokumen sosial masyarakat Malaysia.

Selaras dengan nilai *Kampung Boy* yang mencerminkan nilai sosial masyarakat Malaysia, edisi terbaru mengandungi lampiran keterangan tambahan sepanjang 12 halaman yang dikarang oleh Prof. Madya Naoki Soda. Beliau seorang pensyarah TUFS dan penyunting edisi terbaru bagi edisi terjemahan tersebut. Sebagai pakar kajian sejarah Asia Tenggara, terutamanya sejarah Malaysia, Soda (2014) menjelaskan bahawa latar belakang *Kampung Boy* terbahagi kepada tiga dekad. Pensyarah tersebut juga menekankan tarikan *Kampung Boy* dari segi nostalgia dan akademia. Unsur nostalgia menarik empati banyak pembaca tanpa kekangan generasi atau bangsa. Dari sudut akademia pula, karya ini diberikan nilai yang makin tinggi sebagai dokumen sosial masyarakat Malaysia dalam kemajuan dan pemodenan yang pesat kerana merekodkan budaya masyarakat Malaysia secara terperinci melalui jalan cerita dan ilustrasi.

Penjelasan yang terperinci oleh penerbit atau penterjemah memenuhi etika penterjemah moden. Sato (2022) menyarankan bahawa penerbit perlu memberikan maklumat asas tentang niat penerbitan, strategi terjemahan dan tafsiran karya secara lebih jelas kepada pembaca. Penterjemah juga perlu menyedari tindakan terjemahan sendiri secara objektif (refleksi) dan mewajarkan strategi pilihannya (tanggungjawab dan akauntabiliti).

Bagi membuktikan bahawa edisi terbaru berupaya diberikan nilai tinggi dalam kalangan masyarakat Jepun, edisi ini dijadikan bahan bantu mengajar pelajar pengajian Asia Tenggara di TUFS di Jepun, terutamanya bagi memerihalkan konteks masyarakat Malaysia yang lampau. Di samping itu, edisi terbaru juga memenangi tempat kedua Anugerah Gaiman 2014 di Jepun. Anugerah tersebut dianjurkan oleh

Muzium Manga Antarabangsa Kyoto sejak tahun 2011 bagi kategori buku komik atau karya kartun dan *anime* luar negara yang diterjemahkan dalam bahasa Jepun. Anugerah ini menerima penyertaan dari seluruh dunia, termasuklah Amerika Syarikat, Perancis dan Korea Selatan (*Komik Kampung Boy*, 2014).

Walau bagaimanapun, implikasi terjemahan semula *Kampung Boy* dalam bahasa Jepun belum dibincangkan secara mendalam dari segi penyelidikan terjemahan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk membandingkan kedua-dua teks terjemahan dalam bahasa Jepun. Perbandingan yang dilakukan bertujuan untuk menilai edisi terjemahan yang lebih baik, sebaliknya untuk mengenal pasti ciri yang terkandung dalam teks tersebut. Faktor yang menghasilkan perbezaan antara kedua-dua edisi tersebut juga ditentukan dengan merujuk teks asal dalam bahasa sumber.

Menurut Zheng (2014), satu daripada kesukaran yang tidak dapat dielakkan dalam proses penterjemahan ialah kaedah penyampaian unsur budaya yang tidak wujud dalam kalangan penerima bahasa sasaran. Terjemahan memainkan peranan bukan sahaja dalam penukar kod daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, tetapi juga dalam pertukaran antara budaya. Oleh hal yang demikian, makalah ini juga memerhatikan kaedah unsur budaya yang diterjemahkan dalam kedua-dua edisi tersebut.


Perbincangan dalam makalah ini merupakan suatu penyelidikan terjemahan deskriptif dan empirikal yang dikembangkan oleh Holmes (1972/2000). Setelah perdebatan panjang mengenai terjemahan yang “betul” atau “baik” dilakukan, terdapat perubahan untuk menerima bahawa teks sumber dan teks sasaran adalah berbeza, dan beberapa jenis jurang akan sentiasa berlaku ketika terjemahan. Analisis jurang tersebut membantu pengkaji untuk memahami konsep dan estetik terjemahan, serta konteks sastera dan tradisi pada masa itu (Popović, 1971). Pergerakan ini mencetuskan penyelidikan terjemahan deskriptif dan empirikal yang berorientasikan teks sasaran (Sugiyama, 2009).

KAJIAN LEPAS

Penterjemahan tidak dapat dielakkan dalam konteks pengantarabangsaan untuk bertukar-tukar maklumat antara satu dengan lain. Bahagian ini memberikan perhatian terhadap kajian terjemahan lampau dan sejarah industri terjemahan di Jepun.

Menurut Sugiyama (2009), Jepun mempunyai sejarah panjang yang berkait rapat dengan China, seperti pengimportan teknologi dan ilmu daripada bahan penulisan Cina sekitar 2000 tahun yang lalu. Namun begitu, sejak 100 tahun kebelakangan ini, Jepun banyak mengimport teknologi dan maklumat terkini dari Eropah dan Amerika Syarikat melalui kaedah penterjemahan. Pada masa itu, keutamaan terjemahan ialah bahasa sumber, bukannya bahasa Sasaran, untuk memenuhi tujuan pengimportan maklumat dalam bidang sains dan teknologi. Sato (2009:11) menjelaskan norma penterjemahan pada zaman itu dengan menyatakan bahawa sekiranya terdapat dua tanda koma dan satu tanda noktah dalam teks asal, teks terjemahan juga harus mengikutinya. Hal ini merupakan pendekatan normatif yang meneroka bentuk terjemahan yang ideal dan prinsip terjemahan yang betul (Sugiyama, 2009). Kecenderungan ini selaras dengan teori terjemahan Barat yang bertujuan untuk mencapai kesetaraan antara teks sumber dengan teks Sasaran pada peringkat kata.

Namun begitu, terjemahan di Jepun mengalami perubahan terhadap kesetaraan dari segi linguistik sejak dekad 1970-an, seajar dengan pembangunan ekonomi negara. Dalam era globalisasi, proses pertukaran maklumat lebih mementingkan pemeliharaan hubungan baik dengan negara asing. Dengan kecenderungan ini, keutamaan terjemahan berpindah dalam bahasa dan budaya penerima (Furuno, 2002). Aspek perubahan keutamaan daripada bahasa sumber dalam bahasa Sasaran dirumuskan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Model pemilihan strategi berunsur asing/strategi berunsur tempatan (Ogura, 2008).

Ogura (2008) menggunakan konsep strategi berunsur asing dan strategi berunsur tempatan yang dikemukakan oleh Venuti (1995/2004) bagi menjelaskan pemilihan strategi oleh penterjemah. Strategi berunsur

asing merujuk strategi yang mengekalkan maklumat daripada teks sumber, dan mungkin melibatkan pelanggaran konvensyen bahasa sasaran untuk mengekalkan maksudnya. Strategi berunsur tempatan pula merujuk strategi terjemahan yang lebih akrab dengan budaya penerima yang mungkin menggugurkan maklumat dalam teks sumber. Venuti (2004:5) menyatakan "*Under the regime of fluent translating, the translator works to make his or her work 'invisible'*" dan memberikan amaran bahawa strategi berunsur tempatan merupakan sekitaran penerbitan komersial Anglo-Amerika moden yang bersifat etnosentrisme.

Walau bagaimanapun, konsep strategi berunsur asing/tempatan mampu digunakan untuk menjelaskan pemilihan strategi oleh penterjemah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Menurut Ogura (2008) lagi, strategi berunsur asing lebih mementingkan teks sumber dengan mengandaikan bahawa pembaca sasaran terdiri daripada pembaca spesifik yang lebih mengetahui budaya sumber. Strategi berunsur tempatan pula diambil kira sekiranya terjemahan yang dihasilkan disasarkan kepada pembaca umum yang kurang arif mengenai budaya sumber. Contoh teks terjemahan yang tipikal bagi strategi berunsur asing ialah terjemahan kitab Injil dan undang-undang. Teks teknikal dan saintifik juga sering didedahkan dengan strategi berunsur asing. Strategi berunsur tempatan pula selalu digunakan untuk teks kewartawanan. Teks sastera berada di antara dua strategi tersebut dan dapat berpindah ke kedua-dua arah dalam konteks tertentu. Sekiranya penterjemah mengandaikan bahawa majoriti pembaca sasaran berkemungkinan tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi, strategi berunsur tempatan akan dipilih.

Menurut Sato (2009), penerbitan terjemahan semula mengalami fenomena ledakan di Jepun sekitar tahun 2000. Masyarakat Jepun menunjukkan tindak balas yang positif terhadap fenomena tersebut kerana dapat menikmati karya luar negara secara lebih meluas. Terdapat kedai buku yang mempamerkan edisi pertama dan edisi seterusnya, begitu juga karya asal yang diimport secara sekali gus. Terdapat juga karya yang diterjemahkan oleh pelbagai penterjemah sehingga terhasilnya 14 edisi yang berlainan. Selaras dengan peningkatan jumlah terbitan terjemahan semula, jumlah ulasan buku, laporan media dan perbincangan akademik juga makin bertambah. Trend perkembangan ini mencerminkan pembaca Jepun yang amat berminat terhadap karya luar negara secara lebih mendalam.

Nakajima (2007) menyarankan dua faktor yang mencetuskan fenomena tersebut. Menurutnya, hasil terjemahan semula oleh seorang penulis

novel, iaitu Haruki Murakami, menjadi pemangkin bagi trend penerbitan terjemahan semula di Jepun. Penulis novel tersebut yang menjadi terkenal di Jepun dan di seluruh dunia telah memberikan impak yang sangat tinggi terhadap masyarakat Jepun. Terbitan terjemahan semula oleh penulis popular ini merangsang orang ramai untuk membaca karya klasik yang dihasilkan di luar negara. Di samping itu, tempoh penamatian hak cipta buku selama 50 tahun selepas kematian pengarang asal melanjutkan fenomena ledakan tersebut.

Menurut Fujimoto (2006), tempoh penamatian hak penerbitan eksklusif atau hak cipta buku menggalakkan banyak penerbit untuk mengedarkan karya terjemahan semula disebabkan oleh pengecualian royalti, kos yang rendah dan kesedaran yang tinggi sebagai jualan jangka masa panjang, serta penambahan nilai sebagai terjemahan semula. Persaingan terjemahan semula ini membantu penerbit untuk mempelopori pembaca baharu dan meningkatkan bilangan buku yang dapat dijual.

Sato (2009) pula menyatakan tiga faktor yang mencetuskan fenomena ledakan terjemahan semula. Pertama, peningkatan mutu teks terjemahan menerusi penambahan ekspresi, pembetulan kesilapan atau penggunaan interpretasi yang baharu. Kedua, fenomena ini dipengaruhi faktor luaran (bukan teks itu sendiri), seperti trend penerbitan oleh masyarakat, hak cipta penerbitan, hebatan penerbit atau cadangan oleh ahli akademik. Ketiga, norma penterjemahan berubah mengikut peredaran zaman. Norma penterjemahan dianggap sebagai nilai atau idea umum yang dikongsi oleh sesuatu kumpulan, seperti perkara yang benar atau salah, perkara yang lengkap atau tidak secara konvensional, kepada arahan prestasi (*performance instructions*) yang sesuai bagi keadaan tertentu (Toury, 1998). Dalam erti kata lain, kritikan terhadap sesuatu teks terjemahan dapat berubah mengikut masa, dimensi dan sebagainya.

Secara rumusannya, fenomena ledakan terjemahan semula di Jepun menunjukkan penerapan strategi berunsur tempatan menerusi penggunaan bahasa pertuturan yang moden (Ogura, 2008). Dalam erti kata lain, produk sastera luar negara yang berjaya dihubungkan dengan autoriti akademik pada zaman dahulu, kini merupakan sumber hiburan harian biasa (Sato, 2009). Secara tradisinya, ahli akademik memainkan peranan utama untuk membentuk norma terjemahan yang setia terhadap karya asal. Namun begitu, kini penerbit dan pembaca mula memainkan peranan utama untuk membentuk norma baharu, iaitu menikmati pelbagai jenis edisi terjemahan dan mewujudkan bahan bacaan baharu terhadap sastera asing (Sato, 2022).

Dari perspektif trend di dunia, selepas pelbagai kritikan terhadap gagasan kesetaraan tersebut, pendekatan fungsian yang memfokuskan fungsi teks diperkenalkan pada era 1970-an (Sugiyama, 2009). Reiss (1989) mengklasifikasikan teks kepada tiga jenis mengikut fungsinya. Pertama, jenis yang menekankan maklumat penting, contohnya akhbar dan artikel. Kedua, jenis yang menekankan bentuk ekspresi, contohnya sastera dan puisi. Ketiga, jenis yang menekankan kesan yang memberikan inspirasi terhadap pembaca untuk bertindak. Pendekatan fungsian yang menyumbang perbincangan pada tahap keseluruhan teks mengikut genre yang tidak terhenti pada peringkat kata atau ayat, masih kekal dengan pencarian kesetaraan dari sudut fungsi teks (Sugiyama, 2009).

Vermeer (1996) pula menekankan perkara penting ketika penterjemahan, iaitu penciptaan teks sasaran yang sesuai dengan tujuan terjemahan, bukannya mencari kesetaraan antara teks sumber dengan teks sasaran. Pengkaji itu menyarankan penggunaan teori Skopos yang merujuk tujuan atau matlamat untuk menterjemahkan sesuatu teks. Reiss dan Vermeer (1984) turut bekerjasama untuk mengembangkan pendekatan fungsian dengan mementingkan Skopos terhadap teks sasaran dalam budaya penerima (Sugiyama, 2009).

Terdapat beberapa kajian terjemahan dalam bahasa Jepun yang menerapkan teori Skopos untuk menerangkan teknik pengguguran, penambahan atau perubahan daripada teks sumber. Zheng (2014) menganalisis sari kata Jepun terhadap drama *Istana Cina*. Terjemahan sari kata tertakluk pada kekangan masa dan ruang. Oleh itu, sesetengah dialog biasanya hilang disebabkan oleh pengguguran atau pemendekan. Namun begitu, anotasi tentang watak dan sejarah istana ditambah secara meluas oleh penterjemah walaupun tidak wujud dalam drama asal. Pengkaji itu membincangkan bahawa penambahan anotasi yang kerap melambangkan Skopos penterjemah, iaitu untuk membantu penonton membiasakan diri dengan suasana drama dan memahami jalan cerita seawal mungkin.

Yamada (2021) pula mengkaji buku terjemahan dalam bahasa Jepun yang menceritakan episod terhadap seorang gadis hamba. Pengkaji tersebut meneliti banyak bahagian yang digugurkan daripada bahan sumber, terutamanya latar belakang perhambaan. Beliau mendapati bahawa Skopos bagi terjemahan buku tersebut ialah “senang dibaca” dan “kisah seorang gadis”. Beliau turut menyimpulkan bahawa Skopos “senang dibaca” dapat dicapai, tetapi “kisah seorang gadis” menyebabkan

kekurangan dalam perwakilan orang kulit hitam, seperti kekuatan hamba untuk menentang dan kebijaksanaan ketika menjalani kehidupan.

Selain itu, Hasegawa (2019) juga menemukan bahawa terjemahan terbaru bagi kitab Injil di Jepun telah dilaksanakan berdasarkan teori Skopos. Japan Bible Society menerbitkan terjemahan kitab edisi pertama pada tahun 1887, kemudian menyemaknya berulang-ulang kali pada hampir setiap 30 tahun. Persatuan tersebut memutuskan bahawa Skopos bagi terjemahan terbaru adalah untuk beribadat dan pengguna sasarnya ialah orang Kristian. Terjemahan terbaru dilakukan bukan sahaja menerusi kerjasama antara orang Katolik dengan orang Protestan, tetapi juga oleh pasukan yang terdiri daripada penterjemah, ahli linguistik, monitor luaran dan pembaca umum untuk memenuhi Skopos tersebut.

Dalam konteks kajian terjemahan mengenai karya *Kampung Boy* dalam bahasa Jepun, Norzaliza Ghazali et al. (2020) menganalisis edisi terbaru dari perspektif sosiolinguistik. Kajian ini menunjukkan bahawa edisi terbaru dalam bahasa Jepun masih mengekalkan cerita asal sebuah kampung di Malaysia yang mempunyai elemen kebudayaan tradisi dan kehidupan alam Melayu.

Hasil kajian tersebut disokong oleh Sarinah Sharif dan Saliza Ismail (2021). Kedua-dua pengkaji tersebut mendapati bahawa edisi terbaru cenderung untuk menggunakan teknik pinjaman berserta nota penerangan berbanding dengan teknik lain. Teknik pinjaman bermaksud teknik yang meminjam kata asal dan menggunakan dalam teks sasaran. Sampel yang diterjemahkan dengan strategi pinjaman tersebut merupakan unsur budaya dalam kategori budaya adat resam/ideologi. Nota penerangan ditambah supaya pembaca sasaran lebih memahami unsur budaya dan mesej yang disampaikan. Pengkaji tersebut menyimpulkan bahawa unsur budaya dalam teks sumber telah dikekalkan tanpa menjelaskan makna keseluruhan teks.

Walau bagaimanapun, perbandingan antara kedua-dua edisi pertama dan terbaru terjemahan *Kampung Boy* belum dilakukan. Kajian lampau tentang terjemahan *Kampung Boy* juga lebih memfokuskan teknik terjemahan dan tidak membincangkan latar belakang terbitan atau Skopos secara mendalam. Oleh itu, makalah ini memberikan penekanan terhadap aspek perbandingan kedua-dua edisi terjemahan dalam bahasa Jepun dan membincangkan cara unsur linguistik dihubungkan dengan impak dan pengaruh dalam masyarakat Jepun.

METODOLOGI

Kajian ini membandingkan edisi pertama dengan edisi terbaru karya *Kampung Boy* yang diterjemahkan dalam bahasa Jepun dengan menggunakan teori Skopos (Vermeer, 1996) dan model pemilihan strategi (Ogura, 2008). Bagi tujuan penjelasan, perbandingan yang dikemukakan hanya memaparkan halaman pertama kedua-dua edisi teks terjemahan disebabkan oleh kekangan ruang makalah.

Langkah pertama bermula dengan perbandingan teks terjemahan. Bahagian yang menimbulkan gambaran berbeza antara edisi pertama dengan edisi terbaru ditandakan. Kemudian, pengkaji merujuk teks asal dalam bahasa sumber untuk mengenal pasti faktor yang menghasilkan perbezaan tersebut.

Dalam kajian ini, perbezaan bukan merujuk perbezaan bentuk leksikal semata-mata, sebaliknya turut merujuk kekurangan atau kelebihan maklumat yang terkandung dalam teks terjemahan. Selain itu, interpretasi penterjemah yang berlainan juga diberikan perhatian. Perkara yang penting ialah kekurangan atau kelebihan maklumat tersebut tidak dianggap sebagai kesilapan terjemahan atau terlepas pandang, sebaliknya dianggap sebagai strategi yang sengaja dipilih oleh penterjemah. Tambahan pula, perbandingan dilakukan bagi tujuan meneliti perbezaan dan faktor penghasilannya, bukannya menentukan kualiti teks terjemahan.

Faktor yang menghasilkan perbezaan teks terjemahan dibahagikan kepada dua jenis, iaitu teks asal dan Skopos. Hal ini dikatakan demikian kerana teks asal merujuk teks sumber yang ditulis dengan bahasa sumber yang berlainan, iaitu bahasa Inggeris bagi edisi pertama dan bahasa Melayu bagi edisi terbaru. Dari sudut teori Skopos (Vermeer, 1996) pula, teks terjemahan dianggap sebagai terjejas mengikut apa-apa yang diperlukan atau dikehendaki untuk memenuhi Skopos. Oleh itu, penghasilan teks terjemahan yang berbeza dapat dijelaskan berdasarkan Skopos yang berbeza-beza.

Skopos yang berasal daripada pendekatan fungsi juga berkaitan dengan jenis teks. Karya *Kampung Boy* yang merupakan satu daripada sastera Melayu dapat dikategorikan sebagai jenis yang menekankan bentuk ekspresi. Dalam erti kata lain, cara menonjolkan ekspresi dan estetika dalam karya tersebut dipengaruhi oleh Skopos yang ditetapkan.

Perbezaan yang dihasilkan oleh perbezaan Skopos turut dikaitkan dengan strategi terjemahan yang digunakan oleh penterjemah. Model pemilihan strategi oleh Ogura (2008) dalam Rajah 1 yang membincangkan strategi berunsur asing/tempatan diaplikasikan bagi menganalisis data kajian.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 memaparkan halaman pertama teks kajian. Teks asal ditunjukkan dalam Jadual 3, iaitu teks bahasa Inggeris bagi edisi pertama dan teks bahasa Melayu bagi edisi terbaharu. Garisan di bawah kata dan huruf Rumi dalam kurungan ditambah oleh pengkaji untuk menunjukkan perbezaan dari segi maklumat. Huruf Rumi (A) hingga (L) mungkin wujud hanya pada satu teks terjemahan, jika terdapat huraihan dalam satu edisi sahaja. Huruf Rumi juga mungkin terbahagi kepada dua teks terjemahan, jika diuraikan dua bahagian.

Jadual 2 Teks terjemahan (halaman pertama).

Teks Terjemahan dalam Edisi Pertama	Teks Terjemahan dalam Edisi Terbaharu
<p>(A) うまれてから二、三年のあいだにおこったことを、なにもかもおもいだすなんて、できっこないよ。なにしろ、ぼくがことばをおぼえて、かあさんとおしゃべりできるまえのことなんだから。</p> <p>ぼくは、(B) 世界でいちばんおおきいスズの採鉱地区のどまんなか、ペラ州キンタバレーのある村でうまれた。</p> <p>かあさんはなしでは、月よう日の朝10時ごろ、(C) 家でうまれたんだそうだ。ぼくをこの世にひっぱりだしてくれたのは、おばあちゃん。おばあちゃんは、この村で、(D) ながいこと産婆さんをやっていた。ぼくは、かあさんのはじめての子どもだった。</p> <p>(E) とうさんも、この日のことをはっきりとおぼえている。(F) そとで、イライラしながらまっていると、おばあちゃんが(G) よんだ。</p> <p>「こっちへおいで、ほら、おまえの(H) 息子だよ」</p> <p>とうさんはすぐにあげってきて、ぼくを両手でだきかかえた。それから、(J) 「神さま、げんきな男の子をありがとう」と、ぼくの耳もとで、(K) そっとささやいた。(L) 子どもをさずかった敬けんなイスラム教徒の父親なら、だれでもかならずそうするんだ。</p>	<p>(A) ぼくが村にいたころの話なんて、たいしたことではない。それでも、忘れられない、ささやかなできごとの場面がいくつもあるんだ。</p> <p>ぼくは、マレー半島のペラ州キンタ地区のまんなかにあるカンボンで生まれた。キンタは、(B) スズ鉱石の産地として、世界中で知られていた。</p> <p>母さんの話では、ぼくは、ある月曜日の朝10時ごろに生まれたんだそうだ。とりあげてくれたのは、ぼくのおばあちゃん。おばあちゃんは、(D) まだとても若いころから、カンボンで産婆さんをやっていた。ぼくは、母さんのはじめての子どもだった。</p> <p>ぼくが生まれたとき、父さんは、(F) 家の下で待っていたらしい。そわそわしながらね。すると、とつぜん、おばあちゃんの(G) さけび声が聞こえた。</p> <p>「ほら、おまえの(H) 子だよ！ 見においで！」</p> <p>父さんは、飛びあがってきた。しばらくすると、ぼくは父さんの腕の中にいた。父さんは、ぼくをかかえて(I) 広間に行き、耳元で(J) アザーンを(K) となえた。(L) ほかのお父さんたちが、生まれたばかりの子どもにやってあげるようにな。(J) アザーンっていうのは、イスラムのお祈りへのよびかけのことなんだ。</p>

Jadual 3 Teks asal (halaman pertama).

<i>Kampung Boy</i> (Edisi Pertama)	<i>Budak Kampung</i> (Edisi Terbaru)
<p>(A) <i>I cannot truly recall, of course, what happened in the first few years of my life. It was not until I had learnt to speak and been able to conduct conversations with my mother that I found out about my early days.</i></p> <p><i>I was born in a kampung in the heart of (B) the world's largest tin mining district—the Kinta Valley in Perak.</i></p> <p><i>According to my mother, I was born at about ten o'clock in a Monday morning (C) in our house. The task of delivering me into this world fell on my own grandmother. She had been the official midwife in the kampung (D) for many years. I was mum's first child.</i></p> <p>(E) <i>My father's memory of this day was also quite clear. According to him, he was at that time (F) under the house waiting anxiously when my grandmother (G) called: "Come and cradle your (H) son!"</i></p> <p><i>Minutes later dad was standing in (I) the anjung (lounge) with me in his arms. Then he (K) whispered (J) the bilal's call (K) softly in my ears just as (L) any good Muslim father would do to his newly-born child.</i></p>	<p>(A) <u>Kisah hidup teman semasa di kampung dulu tidaklah hebat sangat. Boleh dikatakan biasa saja. Tak ada peristiwa-peristiwa besar yang berlaku pada teman. Lagi pun teman bukannya hero. Cerita teman tak banyak bezanya dengan kisah budak-budak kampung lain.</u></p> <p><u>Tapi ada detik-detik peristiwa kecil yang walau pun kecil teman fikir mustahil dapat teman lupakan. Peristiwa-peristiwa kecil inilah yang ingin sangat teman gambarkan dalam buku yang tidak sepertinya ini...</u></p> <p>Apa pun teman ini berasal dari sebuah kampung di tengah-tengah jajahan Kinta yang sebagaimana mika semua tahu, (B) terkenal <u>di seluruh dunia dengan hasil bijih timahnya</u>.</p> <p>Mengikut kata emak, teman lahir ke dunia pada suatu pagi Isnin kira-kira pukul 10. Mak bidannya ialah opak teman sendiri. Opak memang dah menjadi bidan rasmi di kampung teman (D) <u>sejak dia muda-muda lagi</u>. Teman ni anak sulung.</p> <p>Mengikut bapak, masa teman dilahirkan dia berada (F) <u>di bawah rumah</u>. Gelisah juga dia. Tiba-tiba dia dengar opah (G) <u>melaung</u>: “Oi! MARI TENGOK (H) <u>ANAK KAMU NI!</u>”</p> <p>Bapak melompat ke atas. Tak lama lepas itu teman sudah berada dalam pelukannya. Dibawaknya teman ke (I) <u>anjung di mana bapak (K) melafazkan (J) azan</u> ke telinga teman sebagaimana yang dibuat oleh (L) <u>bapak-bapak lain</u> pada anak mereka yang baru lahir.</p>

Dari sudut penggunaan bahasa, secara keseluruhannya, penggunaan bahasa dalam edisi pertama lebih mudah menerusi penyesuaian laras bahasa bagi pembaca kanak-kanak, khususnya dari segi percakapan kanak-kanak yang lebih banyak (contohnya, *dekikko nai yo*). Penggunaan bahasa edisi terbaru pula lebih sederhana dan bersesuaian dengan golongan kanak-kanak atau dewasa. Walau bagaimanapun, kedua-dua edisi tersebut berusaha untuk mencari kelancaran bahasa dan menjelmakan kreativiti artistik pengarang asal dengan menguasai nilai estetik.

Dari segi pemilihan jenis tulisan bahasa Jepun, sama ada *hiragana* atau *kanji*, edisi pertama lebih banyak menggunakan *hiragana* yang sesuai untuk kanak-kanak, sedangkan edisi terbaru lebih banyak menggunakan *kanji* yang turut menyasarkan pembaca dewasa. Namun begitu, edisi terbaru menyediakan *furigana* (cara membaca *kanji* dalam bentuk *hiragana*) bagi setiap *kanji*. Oleh itu, murid sekolah rendah juga mampu membacanya tanpa bantuan orang dewasa. Selain itu, edisi pertama menggunakan fon taip, manakala edisi terbaru menggunakan fon tulisan tangan yang menunjukkan gaya tulisan dalam teks sumber.

Dari segi kandungan yang berbeza-beza, seperti yang dinyatakan dalam bahagian metodologi, kekurangan atau kelebihan maklumat dan interpretasi yang berlainan turut difokuskan. Jadual 4 menyenaraikan topik yang menunjukkan perbezaan antara edisi pertama dengan edisi terbaru. Topik tersebut ditentukan berdasarkan adegan, watak yang muncul dan tempat yang berbeza-beza. Semua topik disertakan dengan faktor penghasilannya, sama ada teks asal atau Skopos. Terdapat 12 topik yang disenaraikan bagi analisis seterusnya yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Senarai topik yang menunjukkan perbezaan.

	Topik yang Menunjukkan Perbezaan	Faktor Penghasilan
A)	Latar belakang terbitan karya <i>Kampung Boy</i>	Teks asal
B)	Penerangan tentang kawasan Kinta, Perak	Teks asal
C)	Tempat bayi dilahirkan	Teks asal
D)	Pengalaman nenek sebagai bidan rasmi	Teks asal
E)	Memori ayah tentang kelahiran bayi	Teks asal
F)	Tempat ayah menunggu kelahiran bayi	Skopos
G)	Nada suara nenek memanggil ayah	Teks asal
H)	Jantina bayi	Teks asal
I)	Tempat ayah melafazkan azan	Skopos
J)	Percakapan ayah kepada bayi	Skopos
K)	Nada suara ayah melafazkan azan	Teks asal
L)	Sifat orang yang melafazkan azan	Teks asal

A) Latar Belakang Terbitan Karya *Kampung Boy*

Perbezaan ini jelas dipengaruhi oleh perbezaan teks asal. Teks asal dalam bahasa Inggeris menunjukkan kandungan yang lebih umum untuk semua generasi dan bangsa, manakala teks asal dalam bahasa Melayu menjadi lebih panjang seperti dalam Jadual 3, dan didorong oleh semangat untuk meneruskan budaya tradisional kepada generasi baharu dengan hujah, iaitu “Peristiwa-peristiwa kecil inilah yang ingin sangat teman gambarkan dalam buku yang tidak sepertinya ini ...”. Walau bagaimanapun, edisi terbaru memendekkan bahagian permulaan dengan memilih teknik pengguguran. Soda (2014) sebagai penyunting menyatakan bahawa bahagian yang kurang penting bagi pembaca Jepun telah diringkaskan dalam edisi terbaru. Misalnya, hujah, iaitu “Boleh dikatakan biasa saja. Tak ada peristiwa-peristiwa besar yang berlaku pada teman” digugurkan kerana peristiwa dalam karya ini bukanlah “biasa” bagi pembaca Jepun. Selain itu, faktor fizikal juga mempengaruhi pemendekan teks kerana edisi terbaru bersaiz lebih kecil berbanding dengan edisi pertama untuk memudahkan pengedaran.

B) Keterangan tentang Kawasan Kinta, Perak

Edisi pertama menerangkan Kinta sebagai kawasan perlombongan bijih timah terbesar di dunia. Hal ini selaras dengan huraian dalam teks asal bahasa Inggeris, seperti “*the world's largest tin mining district*”. Edisi terbaru pula menerangkan Kinta sebagai kawasan yang terkenal di seluruh dunia dengan hasil bijih timahnya. Kawasan yang terbesar di dunia secara tidak langsung dapat dikaitkan dengan tempat yang terkenal di dunia. Walau bagaimanapun, perbezaan “terbesar” (*sekai de ichiban ookii*) dan “terkenal” (*sekaijuu de shirarete ita*) terhasil disebabkan oleh perbezaan teks asal.

C) Tempat Bayi Dilahirkan

Dalam edisi pertama, masa dan tempat bayi dilahirkan dinyatakan secara eksplisit, manakala dalam edisi terbaru, perihalan tempat tidak dinyatakan. Hal ini disebabkan oleh faktor penghuraian teks asal yang berlainan. Edisi bahasa Inggeris ditulis sebagai “*in our house*” (di rumah kami), manakala edisi bahasa Melayu tidak dinyatakan tempat. Pengguguran tempat bayi dilahirkan dalam edisi bahasa Melayu berlaku kerana pembaca Melayu biasanya mengetahui tempat bayi dilahirkan di kawasan kampung pada zaman 1950-an, iaitu rumah sendiri. Sebaliknya,

bagi pembaca umum yang biasanya dilahirkan di hospital, kenyataan yang lebih jelas dapat memberikan imej yang tepat. Walau bagaimanapun, pembaca edisi terbaru juga masih dapat mengetahui tempat bayi dilahirkan melalui jalan cerita, sebagaimana nenek yang menjadi bidan, ayah menunggu di bawah rumah, dan ayah menaiki ke tingkat atas selepas bersalin.

D) Pengalaman Nenek sebagai Bidan Bertauliah

Edisi terbaru menerangkan tempoh pengalaman nenek sebagai bidan bertauliah secara lebih terperinci. Perbezaan ini dipengaruhi oleh perbezaan teks asal. Edisi bahasa Inggeris menyatakan “*for many years*” (*nagai koto*), sedangkan edisi bahasa Melayu menghuraikan “sejak dia muda-muda lagi” (*mada totomo wakai koro kara*). Pengalaman nenek sebagai bidan rasmi sejak muda-muda lagi sehingga menjadi nenek memberikan imej yang lebih konkret kepada pembaca.

E) Memori Ayah tentang Kelahiran Bayi

Edisi pertama menyatakan memori ayah ketika kelahiran anak pertamanya dengan eksplisit, seperti “*toosan mo kono hi no koto o hakkiri to oboete iru*” (Ayah ingat lagi tentang hari itu dengan jelas). Penghuraian ini sama seperti ekspresi dalam edisi bahasa Inggeris “*My father’s memory of this day was also quite clear*”. Ayat tersebut tidak ditemukan dalam edisi bahasa Melayu atau edisi terbaru bahasa Jepun. Pengguguran ayat dalam bahasa Melayu berlaku kerana keadaannya sudah biasa dan jelas tanpa keterangan. Pembaca Melayu dapat membayangkan imej, seperti kelahiran anak pertama, memberikan impak yang sangat tinggi terhadap ibu bapa dan peristiwa ini tidak akan dilupakan. Tambahan pula, jalan cerita yang menghuraikan konteks kelahiran bayi secara teliti membuktikan ingatan ayah adalah jelas.

F) Tempat Ayah Menunggu Kelahiran Bayi

Edisi pertama menyatakan tempat ayah menunggu kelahiran bayi, seperti “*soto de*” yang bermaksud “di luar rumah”. Namun begitu, edisi terbaru menerangkannya sebagai “*ie no shita de*”, yang mempunyai maksud serupa dengan frasa “*under the house*” dalam edisi bahasa Inggeris atau “di bawah rumah” dalam edisi bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana edisi pertama menimbangkan pembaca Jepun yang tidak biasa dengan keadaan rumah bertiang yang dibina tinggi. Edisi terbaru mengekalkan

konteks dalam teks asal. Walau bagaimanapun, gambar lukisan rumah Melayu dalam buku secara langsung memberikan imej rumah tradisional Melayu di kampung dan membantu pembaca memahami konteks yang sebenar.

G) Nada Suara Nenek Memanggil Ayah

Edisi pertama menterjemahkan tindakan nenek kepada “yonda” yang bermaksud “panggil”, sama seperti “called” dalam edisi bahasa Inggeris. Sementara itu, edisi terbaharu menggunakan “sakebi-goe” yang dapat memberikan imej nada suara yang lebih kuat dengan mengikut edisi bahasa Melayu “melaung” (bagi memanggil). Ekspresi dalam edisi bahasa Melayu lebih menunjukkan emosi nenek yang tidak sabar untuk memberitahu berita gembira kepada orang yang lama menunggunya.

H) Jantina Bayi

Edisi pertama menyatakan bahawa jantina bayi ialah lelaki, manakala edisi terbaharu tidak menyatakan maklumat ini. Hal ini dikatakan demikian kerana edisi bahasa Inggeris menggunakan kata “son” yang mengandungi maklumat jantina, sebaliknya “anak” dalam bahasa Melayu tidak mengandungi maklumat tersebut. Pada hemat pengkaji, nenek ingin memberitahu kelahiran bayi dengan cepatnya dan tidak memfokuskan jantina, sama ada lelaki atau perempuan dalam dialog pertama. Namun begitu, edisi pertama bahasa Jepun mengikut maklumat dalam bahasa Inggeris secara literal. Walau bagaimanapun, pembaca edisi terbaharu masih mengetahui jantina bayi melalui pelbagai maklumat, seperti judul buku *Kampung Boy*, gambar lukisan dan kata ganti nama diri orang pertama “boku” (biasa digunakan budak lelaki).

I) Tempat Ayah Melafazkan Azan

Edisi pertama tidak menyatakan tempat ayah melafazkan azan walaupun teks asal dalam bahasa Inggeris menyatakan “*in the anjung (lounge)*”. Edisi terbaharu pula menerangkan tempat ayah melafazkan azan di “*hiroma*” (ruang yang luas) dengan merujuk “anjung” dalam bahasa Melayu. Edisi pertama memilih teknik pengguguran “anjung” untuk memastikan kelancaran cerita. Edisi terbaharu pula memilih kata yang paling sesuai dengan mengisi kekosongan leksikon disebabkan oleh perbezaan struktur rumah antara rumah Melayu dengan rumah Jepun. Walau bagaimanapun, gambar lukisan membantu pembaca Jepun untuk membayangkan tempat dan suasana tersebut dengan tepatnya.

J) Percakapan Ayah kepada Bayi

Edisi pertama menerangkan percakapan ayah kepada bayinya, seperti “*kamisama, genki na otokonoko o arigatoo*” yang dapat diterjemahkan semula sebagai “Tuhan, terima kasih kerana memberikan kami anak lelaki yang sihat”, walaupun teks bahasa Inggeris menghuraikannya sebagai “*the bilal’s call*” (panggilan untuk sembahyang). Edisi pertama memberikan interpretasi sendiri supaya pembaca kanak-kanak memahami jalan cerita dengan mudahnya. Namun begitu, kelebihan maklumat, seperti “anak lelaki yang sihat” mungkin dapat menjelaskan konteks sebenar, seolah-olah kelahiran anak perempuan atau anak yang kurang sihat tidak disyukuri. Edisi terbaru pula memperkenalkan istilah “azan” dengan menyesuaikan sebutan dan ejaan dalam bahasa Jepun (*azaan*). Tambahan pula, edisi terbaru menambah keterangan pendek tentang istilah “azan” kerana majoriti pembaca Jepun mungkin tidak pernah mendengar istilah tersebut.

K) Nada Suara Ayah Melafazkan Azan

Edisi pertama menerangkan nada suara ketika ayah melafazkan azan pada telinga bayi secara eksplisit, seperti “*sotto sasayaita*” (membisikkan dengan lembutnya) dengan mengikut teks bahasa Inggeris yang menyatakan “*whispered ... softly*”. Edisi terbaru pula tidak menerangkan nada suaranya, sama seperti teks bahasa Melayu yang hanya menyatakan “bapak melafazkan azan”. Walau bagaimanapun, pembaca edisi terbaru masih dapat membayangkan nada suara yang lembut kerana situasi pada telinga bayi secara tidak langsung menyampaikan mesej tersebut.

L) Orang yang Bertanggungjawab Melafazkan Azan

Edisi pertama menerangkan orang yang bertanggungjawab melafazkan azan ialah “*kodomo o sazukatta keiken na isuramukyooto no chichioya*” (muslim alim yang baru mendapat anaknya). Ekspresi ini sama dengan teks asal bahasa Inggeris yang menyatakan “*any good Muslim father would do to his newly born child*”, sedangkan, edisi terbarunya hanya menyatakan “*hoka no otoosan-tachi*” sama seperti “bapak-bapak lain” dalam teks asal bahasa Melayu. Namun begitu, pembaca edisi terbaru turut mengetahuinya berdasarkan jalan cerita yang diberikan. Sebaliknya, edisi pertama yang menyatakan sifat bapak secara eksplisit mungkin menatijahkan mesej implisit, seperti “ayah beragama Islam yang tidak alim, tidak melafazkan azan”.

PERBINCANGAN

Terdapat dua faktor yang mempengaruhi hasil perbezaan antara edisi pertama dengan edisi terbaru bagi terjemahan karya *Kampung Boy* dalam bahasa Jepun.

Faktor pertama ialah perbezaan teks asal, iaitu penghuraian yang berbeza antara teks bahasa Inggeris dengan teks bahasa Melayu. Fenomena ini dapat dijelaskan dengan gugusan budaya konteks tinggi atau rendah yang dikemukakan oleh Hall (1976). Antara 12 topik yang disenaraikan dalam Jadual 4, sembilan topik (A, B, C, D, E, G, H, K dan L) menunjukkan pengaruh teks asal. Antara sembilan topik tersebut, enam topik (B, C, E, H, K dan L) menunjukkan pengaruh daripada bahasa Inggeris yang berkorelasi rendah. Dengan erti kata lain, enam topik dalam edisi pertama memberikan mesej secara eksplisit walaupun pembaca Jepun dapat memahaminya secara implisit.

Tiga topik (A, D dan G) pula memberikan maklumat yang lebih jelas dalam teks bahasa Melayu berbanding dengan teks bahasa Inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang asal mungkin secara sengaja atau tidak sengaja berhasrat untuk berkongsi maklumat yang lebih terperinci dengan bangsanya sendiri.

Seterusnya ialah faktor kedua, iaitu perbezaan Skopos. Terdapat tiga topik (F, I dan J) yang menunjukkan perbezaan antara edisi pertama dengan edisi terbaru. Edisi pertama menitikberatkan unsur nostalgia, manakala edisi terbaru menambah nilai akademia sebagai dokumen sosial masyarakat Malaysia. Selaras dengan perbezaan Skopos tersebut, pembaca sasaran dan penggunaan bahasa juga berubah. Oleh itu, edisi terbaru yang mementingkan nilai akademia memilih penggunaan bahasa yang sederhana dengan mempertimbangkan pembaca kanak-kanak dan dewasa.

Skopos yang berbeza juga turut memberikan pengaruh terhadap pemilihan strategi terjemahan. Edisi pertama mengambil strategi berunsur tempatan yang mendekatkan teks asal dengan pembaca, manakala edisi terbaru lebih cenderung untuk menggunakan strategi berunsur asing dengan meninggalkan elemen budaya asing yang diperkenalkan oleh pengarang asal. Secara lebih lanjut, teknik yang diambil oleh edisi pertama ialah peringkasan bagi topik F, pengguguran bagi topik I dan penggantian bagi topik J. Teknik tersebut digunakan untuk melancarkan cerita bagi pembaca Jepun yang kurang mengetahui budaya tradisional Melayu. Sebaliknya, edisi terbaru mengekalkan konteks teks asal dengan mempertimbangkan pembaca Jepun yang mahir dan memahami konteks cerita secara implisit. Penterjemah edisi terbaru juga memilih teknik

peminjaman untuk mengisi kekosongan leksikon dalam bahasa Jepun dan penambahan untuk menerangkan istilah yang tidak biasa didengari oleh pembaca Jepun, seperti istilah “azan” dalam Jadual 2. Pengenalan istilah “azan” tersebut melambangkan hasrat penterjemah edisi terbaru, iaitu memperkenalkan budaya Melayu dan dunia Islam kepada pembaca Jepun.

Pemindahan daripada strategi berunsur tempatan kepada strategi berunsur asing merupakan fenomena yang menarik kerana menunjukkan arah yang bertentangan dengan trend terjemahan semula di Jepun (Sato, 2009). Di samping itu, pemindahan ke arah strategi berunsur asing dalam edisi terbaru dapat menarik lebih banyak pembaca kerana bukan sahaja ditujukan kepada kanak-kanak, tetapi juga golongan dewasa. Situasi ini juga bertentangan dengan model pemilihan strategi Ogura (2008), iaitu strategi berunsur tempatan berupaya menarik lebih banyak pembaca berbanding dengan strategi berunsur asing.

Seperti yang dinyatakan oleh Buendía (2013), kewujudan penterjemah biasanya tersembunyi, tetapi penterjemah juga berperanan untuk menghubungkan dua dunia dengan cara berkomunikasi dengan pembaca. Makalah ini menjadi rujukan yang baik apabila menjelaskan cara penterjemah berperanan sebagai perantara antara budaya. Makalah ini juga merupakan suatu sumbangan dalam penyelidikan terjemahan apabila menerangkan perbezaan antara edisi pertama dengan edisi terbaru bersandarkan teori Skopos, bukan sekadar menghuraikan perbezaan ekspresi semata-mata.

Dalam hemat pengkaji, pemilihan teks asal dalam bahasa Melayu sebagai bahasa sumber mempunyai kelebihan dari segi tiga perspektif. Pertama, penyampaian mesej secara implisit lebih semula jadi dan sesuai bagi pembaca Jepun yang biasanya berkomunikasi secara berkonteks tinggi. Kedua, bahasa dan budaya Melayu secara langsung dapat disampaikan kepada pembaca Jepun tanpa melalui bahasa lain. Ketiga, analisis perbandingan antara bahasa sumber yang berbeza dapat dilakukan.

KESIMPULAN

Makalah ini telah menjelaskan ciri teks terjemahan dalam bahasa Jepun melalui kaedah perbandingan berasaskan teori Skopos. Penghasilan teks terjemahan yang berbeza-beza disebabkan oleh perbezaan bahasa sumber atau perbezaan Skopos. Edisi terbaru yang menggunakan teks asal dalam bahasa Melayu menunjukkan ekspresi yang lebih implisit. Edisi terbaru yang berhasrat untuk menyampaikan unsur nostalgia dan nilai akademik lebih kerap memilih strategi berunsur asing dengan mengekalkan budaya tradisional Melayu di kampung.

Penerbitan terjemahan semula *Kampung Boy* dalam bahasa Jepun bersifat sangat unik dalam trend terjemahan di Jepun. Terbitan terjemahan semula menerusi penggunaan karya asal dari Asia Tenggara merupakan contoh yang amat sedikit bilangannya. Terbitan *Kampung Boy* dalam bahasa Jepun dapat menjadi contoh yang baik untuk memperkenalkan budaya yang bervariasi di dunia kepada masyarakat Jepun kerana terjemahan di Jepun didominasi oleh karya Barat. Tambahan pula, usaha yang diberikan oleh pihak penerbit untuk mencari nilai karya dari perspektif yang lain amat dihargai bagi mewariskan karya sebagai harta kepada generasi baharu. Edisi bahasa Jepun *Kampung Boy* yang mempunyai ciri yang istimewa turut memberikan peluang kepada pembaca Jepun untuk meneroka dunia baharu pada masa hadapan.

Secara kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran terhadap kepelbagaian teks terjemahan dalam bahasa Jepun dan menunjukkan usaha ke arah transformasi dalam industri terjemahan di Jepun.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan universiti kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab atas keseluruhan penulisan makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam buku yang sudah diterbitkan, nombor rujukan [ISBN 9679694100], [ISBN 9679694011], [ISBN 4794940246] dan [ISBN 9784904575390].

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytharkan.

RUJUKAN

- Buendía, C. T. (2013). Listening to the voice of the translator: A description of translator's notes as paratextual elements. *Translation & Interpreting: The International Journal of Translation and Interpreting Research*, 5(2), 149–162.
- Fujimoto, Y. (2006). From the black cat to catcher in the rye: The evolution of literary translation in Japan. *The Waseda Journal of Social Sciences*, 8, 305–318.
- Furuno, Y. (2002). Japanese translation in the 1970s: A transitional period. *Interpretation Studies*, 2, 114–122. <https://doi.org/10.1080/1037139022000036995>
- Hall, E. T. (1976). *Beyond culture*. Anchor.
- Hasegawa, S. (2019). Translations of the Bible. *Interpreting and Translation Studies: The Journal of the Japan Association for Interpreting and Translation Studies*, 19, 153–165.
- Holmes, J. S. (2000). The name and nature of translations studies. Dlm L. Venuti (Ed.), *The translation studies reader* (172–185). Routledge.
- Lailawati Mohd Salleh. (2005). High/low context communication: The Malaysian Malay style, *Proceedings of the 2005 Association for Business Communication Annual Convention*, 1–11.
- Kampung Boy* jadi bantu bantu mengajar universiti Jepun. (2014). *MStar*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/07/02/kampung-boy>.
- Komik *Kampung Boy* raih anugerah di Jepun. (2014). *MStar*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/12/18/kampung-boy-raih-anugerah>.
- Nakajima, M. (2007). Naze ima shinyaku nano ka (Mengapa kini terjemahan semula?). *Ronza*, 148, 184–185.
- Nakatani, Y. (1997). Why did LAT publish a cartoon titled “*Kampung Boy*”, twice? *Hakuoh Review of Law and Politics*, 7, 1–16.
- Nishihara, M. (2015). Some remarks on improving intercultural communication skills: Concerning perspectives from cultural values. *Kwassui Review Faculty of Humanities*, 58, 71–94.
- Norzaliza Haji Ghazali, Zeety Kartini Abdul Hamid & Nurul Imtiaz Abd Gani. (2020). Analisis *Kampung Boy* (edisi bahasa Jepun): Satu kajian dari perspektif sosiolinguistik. *The 17th International Conference on Japanese Language Education in Malaysia*. https://www.jfkl.org.my/files/user/Summary2020/No.5_Zeety_Summary_Kampong%20Boy.pdf.
- Ogura, Y. (2008). The law of translation: What lies behind “foreignizing/ domesticating” strategies? *Language and Culture*, 7, 51–70.
- Popović, A. (1971). The concept “shift of expression” in translation analysis. Dlm J. Holmes (Ed.), *The nature of translation: Essays on the theory and practice of literary translation* (78–88). De Gruyter Mouton.

- Reiss, K. (1989). Text types, translation types and translation assessment. Dlm A. Chesterman. (Ed.), *Readings in translation theory* (105–115). Oy Finn Lectura.
- Reiss, K., & Vermeer, H. J. (1984). *Grundlegung einer allgemeinen translationstheorie*. Niemeyer.
- Sarinah Sharif & Saliza Ismail. (2021). Strategi penterjemahan aspek budaya dalam kartun Lat: *Budak Kampung*. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 5(2), 20–35.
- Sato, M. (2009). An analysis of the current reviews of literary retranslations in Japan. *Media and Communication Studies*, 57, 1–20.
- Sato, M. (2022). The concept of literary ‘Translation’ after 2000s. *Journal of Sapporo University*, 3, 125–153.
- Soda, N. (2014). Kanpon-booi to sono jidai (*Kampung Boy* dan zamannya). Dlm Lat *Kampung Boy* (144–156). ITBM & TUFS Press.
- Sueyoshi, M. (1984). Yakusha atogaki (Catatan penterjemah). Dlm Lat *Kanpon no gakidaishoo* (154–155). Shobunsha.
- Sugiyama, K. (2009). Ansätze der “translation studies” und ein neuner diskurs innerhalb derübersetzungswissenschaft in Japan. *Language, Area and Culture Studies*, 15, 315–334.
- Toury, G. (1998). A handful of paragraphs on ‘translation’ and ‘norms’. *Current Issues on Language & Society*, 5, 10–32. <https://doi.org/10.1080/13520529809615501>
- Venuti, L. (2004). *The translator’s invisibility: A history of translation*. Routledge.
- Vermeer, H. J. (1996). *A skopos theory of translation (Some arguments for and against)*. TextconText.
- Yamada, K. (2021). A study of Yuki Horikoshi’s translation of incidents in the life of a slave girl. *University of Nagasaki, Faculty of Global and Media Studies*, 6, 73–78.
- Zheng, Y. (2014). An analysis on the translator’s notes in Japanese subtitles of TV drama from the viewpoint of functionalist approach: By the case of Startling by Each Step, an imperial court drama. *Interpreting and Translation Studies*, 14, 53–73.